

### 1. Pekerja utamakan jawatan daripada gaji - Kaji selidik

KUALA LUMPUR: Kajian mendapati pengiktirafan di tempat kerja mengatasi ganjaran kewangan, sekali gus menjadi faktor terpenting bagi motivasi pekerja di dalam organisasi di seluruh dunia tanpa mengira usia, industri atau lokasi.

Majoriti responden mengakui bahawa kenaikan gaji melalui skim prestasi boleh membantu memupuk prestasi yang terbaik, 70 peratus daripada responden di Asia Timur, Pasifik dan Afrika bersetuju bahawa ukuran prestasi seperti ini boleh diperbesarkan atau dipalsukan bagi memenuhi sasaran mereka.

Dalam kaji selidik terbaharunya berjudul "Sikap Penyaluran Korporat dan Budaya", Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA) menyatakan 74 peratus daripada responden menyatakan bahawa persekitaran di mana pekerja boleh berbincang dengan selesa adalah cara yang paling berkesan bagi menggalakkan etika dalam sesebuah organisasi.

"Ini disokong oleh 58 peratus pendapat supaya sikap yang tidak beretika perlu dihukum dan 55 peratus responden pula bersetuju tingkah laku yang beretika perlu wajar ganjaran untuk memupuk semangat positif ini," menurutnya dalam satu kenyataan.

Mereka juga tidak bersetuju dengan sikap pilih kasih dan menyarankan supaya pihak atasan mengukuhkan idea "Kepimpinan Melalui Teladan."

Profesor Perakaunan dan Kewangan di Manchester Business School serta penulis bersama dalam kajian itu, Konstantinos Stathopoulos, berkata keputusan itu mendedahkan bahawa tidak ada satu penyelesaian standard yang boleh dipakai untuk membangunkan budaya dan tingkah laku korporat.

"Walaupun peranan kepimpinan adalah respon yang dipersetujui ramai, kaji selidik itu juga mendedahkan perbezaan yang signifikan dalam sikap dan persepsi mengenai saluran tingkah laku korporat yang berkesan.

"Jurang ini juga dipergiatkan oleh perbezaan dalam lokasi geografi, industri dan ciri-ciri responden," katanya.

Kaji selidik itu membabitkan hampir 2,000 profesional kewangan global ACCA. - BERNAMA

## 2. PM garis dua tumpuan penjawat awam untuk 2016

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menggariskan dua perkara yang perlu ditumpukan penjawat awam pada tahun ini bagi memastikan kelangsungan pentadbiran yang kerajaan yang lebih berkesan dan kesejahteraan rakyat terpelihara.

Perkara itu ialah mengoptimumkan perbelanjaan kerajaan dan berfikir secara kreatif serta inovatif dalam melaksanakan tugas.

"Mengoptimumkan perbelanjaan tidak bermaksud potong (perbelanjaan) sana dan sini tetapi melihat bagaimana setiap ringgit yang dibelanjakan mendatangkan hasil dan kesan yang besar.

"Selain itu, tumpuan juga harus diberikan bagaimana menggunakan daya fikir yang kreatif dan inovatif serta meningkatkan produktiviti (dalam melaksanakan tugas), selain menambah usaha," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Dataran Putra di sini, pagi ini.

Yang turut hadir, Menteri dan Timbalan Menteri di JPM; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamza; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal dan warga JPM. Ini adalah perhimpunan bulanan pertama JPM pada tahun ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau juga akan menuuhkan satu kumpulan kecil yang akan turut dianggotai Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Ali bagi melihat semua projek kerajaan yang tertangguh.

"Kita panggil kementerian dan agensi berkenaan. Kita lihat, jika projek itu lambat apa sebabnya.

"Kalau proses itu susah, kita kena lihat semula," katanya.

Berhubung isu 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Perdana Menteri berkata, seperti yang dijanjikan beliau untuk diselesaikan dalam tempoh enam bulan, isu itu sudah pun nampak penyelesaiannya.

"Yang lebih mustahak, ia tidak menggunakan wang rakyat sama sekali," katanya.

### 3. 3 tahun lagi tempoh sukar untuk PETRONAS



*Pegawai Eksekutif PETRONAS, Wan Zulkifle Wan Ariffin. - Foto Yazit Razali*

KUALA LUMPUR: PETRONAS berkata berkata harga minyak mentah berkemungkinan diniagakan pada purata AS\$30 satu tong tahun ini dan memberi amaran syarikat minyak negara itu akan berhadapan tempoh sukar dalam dua hingga tiga tahun lagi.

Kira-kira dua bulan selepas syarikat itu mengandaikan harga purata AS\$48 satu tong, Ketua Pegawai Eksekutif, Wan Zulkifle Wan Ariffin, menggariskan senario harga rendah baharu bagi 2016.

PETRONAS kekal komited kepada projek berbilion ringgitnya berikut ia kekal dengan rancangan perbelanjaan modal hingga RM350 bilion untuk tempoh lima tahun akan datang, katanya.

Dunia menyaksikan lebihan minyak global berikut negara ahli OPEC mahu meningkatkan penguasaan pasaran dengan memberi tekanan kepada pengeluar kos tinggi, bukannya dengan mengurangkan pengeluaran bagi menyokong harga.

Kejatuhan berterusan harga memberi tekanan baharu bagi PETRONAS berikut ia dalam usaha membuat pelaburan dalam projek jangka panjang bagi pertumbuhan masa depan dan memenuhi obligasi dividen kepada kerajaan.

"Adalah berhemah bagi PETRONAS dan pertubuhan lain merancang bagi tempoh harga rendah yang lebih panjang," kata Wan Zulkifle, 55, dalam temu bual selama satu jam di tingkat 81 Menara Berkembar PETRONAS.

"Lebih lama kita dalam tempoh sukar ini, saya kira lebih sukar bagi pemulihan kerana orang tidak melabur."

Kejatuhan harga minyak sebahagiannya menjurus kepada pelabur antarabangsa kurang berminat melabur di Malaysia, dengan ringgit jatuh ke paras terendah dalam tempoh 17 tahun pada 2015.

Negara pengeksport bersih minyak berhadapan kerugian RM300 juta bagi setiap AS\$1 satu tong kejatuhan dalam harga minyak mentah, demikian menurut anggaran kerajaan.

Brent ketika ini diniagakan di bawah AS\$32 satu tong.

Moody Investors Service semalam merendahkan penarafan kredit Malaysia, dengan menyebut persekitaran luaran memberi kesan kepada pendapatan kerajaan sungguhpun usaha Perdana Menteri Datuk Sri Najib Razak untuk menambah baik kewangan negara.

Najib minggu lalu berkata ia akan meminda Bajet 2016 untuk mengambil kira harga rendah minyak mentah selepas menggunakan andaian harga sama yang diguna pakai PETRONAS.

"Kenaikan harga akan berlaku," kata Wan Zulkiflee. "Ia cuma bila ia akan berlaku, dalam tiga tahun, lima tahun atau tujuh tahun lagi."



Selasa, 12 Januari 2016

#### 4. Pegawai JKM dituduh kemuka tuntutan palsu



*PEGAWAI Kebajikan Masyarakat, Syed Mohd Abdul Ghani Syed Ali (kiri) mengaku tidak bersalah dan minta dibecarkan atas tuduhan mengemukakan tuntutan palsu di Pejabat JKM Mersing Oktober 2013 di Mahkamah Sesyen, Johor Bahru. - Foto Zulkarnain Ahmad Tajuddin*

JOHOR BAHRU: Seorang pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan mengemukakan tuntutan palsu di Pejabat JKM Mersing, pada Oktober 2013.

Syed Mohd Abdul Ghani Syed Ali, 54, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Mohamad Haldar Abdul Aziz.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada 8 Oktober 2013 antara jam 8 hingga 11 pagi di Pejabat JKM Mersing, dekat sini dengan niat memperdayakan majikan.

Tertuduh didakwa mengemukakan satu dokumen pesanan kerajaan bertarikh 24 September 2013 berjumlah RM5,000 bagi membekal pakaian seragam untuk Pengurus Kelab Sukan dan Kebajikan JKM Mersing dan mengandungi butiran palsu manakala tertuduh mendakwa barang dipesan sudah diterima.

Bagi pertuduhan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 18 Akta Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta yang sama.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya SPM, Norfazlin Hamdan dan tertuduh diwakili peguam Vinodharan Mohan.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin manakala sebutan semula kes ditetapkan pada 25 Februari ini.



Selasa, 12 Januari 2016

## 5. 1MDB nafi dakwaan Rafizi berhubung Sukuk Bandar Malaysia



KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Bhd hari ini menafikan dakwaan berkaitan program Sukuk Bandar Malaysia dan menyifatkannya sebagai 'tidak bertanggungjawab' kerana hasil daripada bon Islam telah digunakan dengan baik.

1MDB merujuk kepada kenyataan oleh Rafizi Ramli, Ahli Parlimen Pandan, yang mendakwa hasil daripada Sukuk Bandar Malaysia Sdn Bhd (Sukuk BMSB) mungkin tidak digunakan dengan baik.

"1MDB menafikan sekeras-kerasnya dakwaan ini dan malah, mengesahkan hasil yang diraih oleh BMSB telah digunakan sejajar dengan terma Perjanjian Program Sukuk," katanya dalam kenyataan hari ini.

Hasil itu digunakan untuk membiayai sebahagian kos projek pemindahan semula Pangkalan Udara Kuala Lumpur (PUKL), fi pra-pembiayaan dan perbelanjaan untuk Program Sukuk, pembiayaan akaun rizab pembiayaan prasyarat dan sebagai modal kerja oleh 1MDB Real Estate Sdn Bhd, yang kini dikenali sebagai TRX City Sdn Bhd.

Rafizi Ramli dengan sengaja telah mengabaikan kenyataan terperinci yang dikeluarkan 1MDB pada 6 Januari, yang mana tanpa ragu-ragu, menyatakan dengan jelas bahawa ini tidak akan menjadi isu apabila beliau membangkitkan kebimbangan mengenai sebuah syarikat asing yang mungkin terlibat dalam projek pemindahan semula PUKL, menurut kenyataan itu.

Sambil mengulangi pendiriannya 1MDB berkata, Perbadanan Perwira Hartanah Malaysia (PPHM), anak syarikat 100 peratus Lembaga Tabung Angkatan Tentera, adalah dan akan terus menjadi, kontraktor siap guna untuk projek Pemindahan Semula PUKL.

PPHM telah melantik lebih 50 kontraktor Bumiputera yang berkelayakan sebagai sub-kontraktor untuk melaksanakan pelbagai aspek pembinaan dan mereka akan mengekalkan kontraktor yang ditetapkan dan melaksanakan peranan mereka secara eksklusif.

Kontraktor ini telah mendapat kelulusan pihak berkuasa berkaitan dan pembinaan akan diselia oleh pegawai berkaitan daripada Kementerian Pertahanan dan Kementerian Dalam Negeri.

"Memandangkan pembinaan akan terus dijalankan oleh kontraktor semasa yang diluluskan, oleh itu, tiada persoalan mengenai sebarang kesan kepada keselamatan negara daripada penjualan oleh 1MDB bagi 60 peratus kepentingannya dalam projek Bandar Malaysia," kata 1MDB. - BERNAMA

**6. Rumah PPRT disalah guna ditarik balik serta-merta**

*DATUK Abdul Rahman Dahlan. - Foto Fariz Iswadi Ismail*

PUTRAJAYA: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan melakukan penguatkuasaan di 76,211 unit rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) bagi memastikan premis berkenaan tidak disalahgunakan.

Menterinya, Datuk Abdul Rahman Dahlan, berkata kebanyakan unit PPR disewakan kepada mereka yang tidak layak, malah ada yang dikesan menyewakannya kepada pekerja asing.

Katanya, pemilik rumah yang didapati menyewakan unit berkenaan kepada pekerja asing atau pihak ketiga, akan dikenakan tindakan sewajarnya.

"Puluhan ribu rakyat di luar sana menunggu untuk mendapatkan unit PPR, maka mereka yang sudah memiliki rumah terbabit tidak seharusnya melakukan perkara tidak bertanggungjawab."

"Saya turut meminta Jabatan Perumahan Negara (JPN) turun padang dan meninjau unit PPR supaya ia tidak disalahgunakan," katanya pada sidang media selepas menghadiri Perhimpunan Bulanan kementeriannya, di sini sebentar tadi.

Turut hadir, Timbalannya, Datuk Halimah Mohamed Sadique.

Abdul Rahman berkata, isu penguatkuasaan adalah agenda utama KPKT tahun ini kerana ia tidak membabitkan kos, namun memberi kesan besar kepada kementerian.

Katanya, pemilik atau penyewa yang didapati melakukan kesalahan itu berdepan risiko rumah PPR ditarik balik serta-merta.

"Mereka akan diberi notis terlebih dahulu sebelum diminta keluar kerana masih ramai yang layak dan menunggu giliran menduduki rumah terbabit.

"Kita tahu ia akan menimbulkan perbalahan tetapi tindakan tegas seperti ini akan menyebabkan orang ramai berterima kasih kepada KPKT kerana menyelesaikan masalah perumahan negara," katanya.

Difahamkan, perbuatan tidak bertanggungjawab menyewakan rumah PPR termasuk kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) sudah lama berlaku pada kadar antara RM500 hingga RM1,000 sebulan bagi mengaut keuntungan berlipat kali ganda.

Abdul Rahman turut meminta pihak berkuasa tempatan (PBT) menjalankan penguatkuasaan terhadap pemilik lesen sah perniagaan yang menyewakan lesen kepada warga asing bagi mendapat keuntungan mudah.

"Jika didapati berbuat demikian, lesen akan ditarik balik kerana tindakan mereka ini tidak bertanggungjawab," katanya.



Khamis, 14 Januari 2016

## 7. NKEA: 7 syarikat labur RM1.46 bilion



AHMAD Shabery menyaksikan majlis memeterai Perjanjian Program NKEA Pertanian-Akuakultur dengan tujuh syarikat Akuakultur di kementeriannya di Putrajaya, semalam. - Foto BERNAMA

**PUTRAJAYA:** Sebanyak tujuh syarikat peneraju di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) melabur RM1.46 bilion dalam industri akuakultur bagi membantu negara meningkatkan pengeluaran hasil udang dan ikan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata lima syarikat mengendalikan projek penternakan udang, manakala dua lagi mengusahakan projek penternakan ikan dalam sangkar.

Katanya, kerajaan turut membantu syarikat berkenaan dengan menyalurkan peruntukan RM400 juta bagi menjayakan projek yang diusahakan.

"Projek oleh tujuh syarikat berkenaan secara tidak langsung akan membuka 2,000 peluang pekerjaan. Sebelum ini sudah ada 14 syarikat terbabit dalam penternakan udang.

"Secara keseluruhan, mereka mengeluarkan pelaburan berjumlah RM2.5 bilion dan kerajaan turut membantu dengan menyalurkan peruntukan sebanyak RM614 juta," katanya pada sidang media di kementeriannya, di Putrajaya, semalam.

Shabery berkata, perkembangan positif industri akuakultur adalah berita baik kepada negara kerana kerajaan dapat mengurangkan kebergantungan kepada sektor komoditi dan minyak dalam memajukan ekonomi negara ketika ini.

"Sekarang, kerajaan sedang mempelbagaikan sektor yang menyumbang kepada pendapatan negara, akuakultur juga salah satu daripada 17 projek permulaan (EPP) yang dipertanggungjawabkan kepada kementerian ini oleh kerajaan," katanya.

Lima syarikat mengendalikan projek akuakultur udang adalah Manjong Bio Ocean Ventures Sdn Bhd, QL Aquamarine Sdn Bhd, SBH Perak Agro Sdn Bhd, Pegagau Specialty Farming Sdn Bhd dan Sunlingt Inno Seafood Sdn Bhd, manakala projek akuakultur ikan sangkar dikendalikan oleh Organic Aquaculture Sdn Bhd dan RE Millenium Sdn Bhd.

## 8. TPPA, AEC bagi manfaat kepada Westports



**PELABUHAN KLANG:** Pelaksanaan perjanjian perdagangan bebas (FTA) mampu meningkatkan aktiviti perdagangan negara ini, sekali gus memberi manfaat kepada pengendali pelabuhan, Westports Holdings Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ruben Emir Gnanalingam, berkata kesan positif FTA seperti Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) dan penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), akan diraih dalam jangka panjang.

"Secara umumnya, lebih banyak FTA, maka lebih banyak aktiviti perdagangan. Pemansuhan halangan dagangan menerusi FTA, dapat mewujudkan lebih banyak aktiviti import dan eksport, justeru memberi kesan positif kepada kami," katanya dalam temu bual eksklusif bersama BH, di sini, baru-baru ini.

TPPA bakal dibentangkan pada sidang khas Parlimen akhir bulan ini, menjadi penentu sama ada Malaysia akan menyertai perjanjian berkenaan bersama 11 negara lain, termasuk Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru atau sebaliknya.

AEC pula ditubuhkan secara rasmi akhir tahun lalu ketika Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN.

Mengulas mengenai TPPA, Ruben berkata, kesan positif jangka panjang dapat dilihat dalam tempoh 10 tahun dengan melihat apakah perubahan yang berlaku hasil perjanjian itu dan apakah halangan yang dimansuhkan.

"Oleh itu, TPPA membuka ruang kepada negara Asia untuk berkembang dari segi dagangan dan intra-Asia juga memiliki potensi untuk berkembang," katanya.

Berdasarkan kedudukan geografi, Westports yang beroperasi di Selat Melaka, laluan perdagangan paling sibuk di dunia, memiliki potensi besar untuk terus berkembang, selain ia turut menjadi hab utama antara Asia dan Eropah.

Ia turut menghubungkan kepada lebih 350 pelabuhan di seluruh dunia dan menawarkan perhubungan terbaik ke kawasan terpencil, sekali gus menjadikan Westports sebagai antara lima pelabuhan terbaik di dunia.

Sejak ditubuhkan pada 1996, Westports sudah mencapai jumlah kapasiti lebih 50 juta TEU setakat ini, selain menguasai 76 peratus jumlah kontena di Pelabuhan Klang.

Mengenai prospek syarikat tahun ini, Ruben berkata, pihaknya memperuntukkan perbelanjaan modal (capex) lebih RM1 bilion bagi meningkatkan keupayaan operasi, termasuk memperkemaskan kemudahan untuk kakitangannya.

Sebahagian capex itu, jelas beliau, adalah untuk membangunkan Terminal Kontena 8 (CT8) bagi mencapai sasaran meningkatkan unit bersamaan 20 kaki (TEU) kepada kapasiti 13.5 juta TEU.

Menerusi CT8, katanya, syarikat memperbesarkan terminal berkenaan sebanyak 600 meter, menambah sehingga 15 kren dermaga dan pelbagai peralatan yard bagi meningkatkan keupayaan pengurusan operasi syarikat pada masa depan.

"Dengan CT8, reka bentuk terminal itu akan meningkatkan keupayaan kami dari 11 juta TEU menerusi CT7 ketika ini kepada 13.5 juta TEU secara berperingkat apabila ia siap pada pertengahan atau akhir tahun depan," katanya.

Mengulas lanjut, Ruben berkata, menerusi capex yang diperuntukkan, syarikat juga akan membina pintu keluar bagi operasi kontena yang baharu dengan 14 lorong dan digunakan sepenuhnya sebagai laluan import.

## 9. TPPA landasan terbaik PKS terokai pasaran global



*Pengerusi PUNB, Tan Sri Mohd Ali Rustam (dua dari kiri) menyampaikan replika cek bernilai RM4 juta kepada Norazizah Omar sempena program lawatan bersama Kumpulan Usahawan PUNB Perak di sini. Hadir sama ialah Ketua Pegawai Eksekutif PUNB, Datuk Dzulkifli Fadzilah (kiri) dan Pengurus Kelab Usahawan Negeri Perak, Datuk Che Umar Yatim. - Foto Supian Ahmad*

TAIPING: Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) boleh menjadi landasan terbaik untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), khususnya dalam kalangan Bumiputera untuk memperkembang perniagaan mereka di peringkat global.

Pengerusi Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Tan Sri Mohd Ali Rustam, berkata ia kerana perjanjian itu memberi peluang kepada pengusaha PKS tempatan menembusi pasaran bukan sahaja di rantau ini tetapi juga rantau Amerika Utara dan Selatan.

"Perjanjian ini akan membuka pasaran dan peluang kepada usahawan tempatan untuk melihat serta mengenal pasti lebih mendalam pasaran global.

"Usahawan khususnya di bawah PUNB seharusnya melihat ini sebagai peluang meluaskan perdagangan serta pasaran di rantau ini dan global," katanya pada sidang media selepas mengadakan dialog bersama pengusaha PKS di kawasan Kamunting, di sini, petang tadi.

Mohd Ali berkata, usahawan tempatan tidak harus gentar dengan TPPA berikutan perjanjian itu menyebelahi PKS dan dasar kerajaan.

Sementara itu, katanya, PUNB sudah mengeluarkan pembiayaan sebanyak RM2 billion kepada 6,007 usahawan sejak agensi itu ditubuhkan pada tahun 1991.

Beliau berkata, pada tahun lalu sahaja, PUNB mengeluarkan sebanyak RM260 juta pinjaman kepada 633 usahawan dan dijangka sebanyak RM273 juta dikeluarkan bagi membantu sekurang-kurangnya 607 usahawan sepanjang tahun ini.



Selasa, 19 Januari 2016

#### 10. MDeC sasar lebih banyak syarikat ICT raih lebih RM100 juta setahun



*KETUA Pegawai Eksekutif MDeC, Datuk Yasmin Mahmood. - Foto Mohamad Shahril Badri Saali*

KUALA LUMPUR: Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDeC) menyasarkan menghasilkan lebih banyak syarikat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) tempatan memperoleh pendapatan tahunan melebihi RM100 juta menerusi program Pecutan Rangkaian Inovasi Global (GAIN).

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Yasmin Mahmood, berkata ketika ini, hanya 24 syarikat ICT tempatan dikenal pasti memperoleh pendapatan purata tahunan melebihi RM100 juta, manakala sebahagian besar atau kira-kira 90 peratus masih dikategorikan syarikat permulaan dengan pendapatan purata tahunan kira-kira RM1.4 juta.

Beliau berkata, GAIN yang diperkenalkan tahun lalu bertujuan meningkatkan kadar pertumbuhan dan pendapatan syarikat melalui inovasi bagi membolehkannya meneroka pasaran lebih meluas dan berdaya saing di peringkat global.

"Malaysia memiliki banyak syarikat ICT berstatus syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) yang berpotensi, namun majoritinya masih mencatat pendapatan kurang daripada RM1 juta setahun," katanya dalam taklimat media di Kuala Lumpur, hari ini.

Di bawah GAIN, MDeC mengatur beberapa program bagi membantu pertumbuhan syarikat ICT tempatan, antaranya menganjurkan lawatan bersama 21 syarikat ke Lembah Silikon, Amerika Syarikat (AS) dan memeterai perjanjian dengan Pusat Penyelidikan Palo Alto (PARC) bagi membuka ruang kepada syarikat ICT tempatan menjalin kerjasama dengan pusat terbabit.

MDeC juga membuka cawangan di Lembah Silikon bagi membantu memudahkan syarikat ICT tempatan berurus dan menjalin hubungan kerjasama dengan syarikat ICT antarabangsa yang beroperasi di sana.

Yasmin berkata, ketika ini, terdapat kira-kira 2,600 syarikat ICT tempatan memperoleh status MSC dan MDeC membahagikan empat strategi untuk membantu syarikat terbabit mengembangkan pasaran iaitu akses pasaran, pembangunan keupayaan, risiko modal dan pembangunan teknologi serta perniagaan.

Beliau berkata, lawatan ke Lembah Silikon serta kerjasama strategik dengan PARC boleh membantu syarikat berstatus MSC mengembangkan sayap ke peringkat global dengan lebih baik kerana mereka dapat mempelajari serta berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan syarikat ICT antarabangsa di pusat ICT terkenal di dunia itu.

"Kerjasama dengan PARC akan menawarkan syarikat MSC Malaysia peluang meneroka ke bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D) utama pusat berkenaan, mempelajari mengenai paten dan model pelesenan harta intelek (IP) serta peluang bekerjasama dengan pegawai dan saintis penyelidikan PARC," katanya.

**11. 1MDB: PAC akan panggil bekas Pengerusi, CEO**

***BEKAS Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi (kiri), bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Bakke Salleh dan Pengerusi Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Hasan Arifin. - Foto Yazit Razali***

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan memanggil dua lagi individu bagi membantu prosiding berkaitan 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Mereka adalah bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1MDB, Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi dan bekas Pengerusi 1MDB, Tan Sri Bakke Salleh.

Pengerusi PAC, Datuk Hasan Arifin, berkata mereka akan dipanggil bagi prosiding pada tarikh yang akan ditentukan kemudian, sebelum Mac ini.

"PAC akan terus meneliti secara terperinci berhubung perkara ini dan tidak akan sesekali terpengaruh dengan mana-mana laporan media sosial dalam dan luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan prosiding 1MDB terhadap Pengerusi 1MDB, Tan Sri Lodin Wok Kamaruddin untuk hari kedua di bangunan Parlimen sebentar tadi.

Terdahulu, ketika Lodin meninggalkan prosiding pada jam 1.10 tengah hari beliau mengakui soalan yang ditanya berat tetapi boleh menjawabnya.

"Saya fikir siasatan ini (prosiding) ini semakin hampir ke penghujung selepas masa yang lama diambil," katanya.

## 12. Konsortium diterajui Khazanah labur RM700.55j dalam WeLab

KUALA LUMPUR: Khazanah Nasional Bhd mengetuai konsortium pelabur yang antara lain terdiri daripada ING Bank dan Kumpulan Teknologi Kewangan Guangdong, melabur AS\$160 juta (RM700.55 juta) dalam WeLab, antara platform pinjaman mudah alih dan kredit analisis terbesar di China.

"Proses pengumpulan dana ini adalah berikutan muktamadnya proses pengumpulan dana Siri A berjumlah AS\$20 juta (RM87.57 juta) pada Januari 2015 yang menyaksikan penyertaan sekumpulan pelabur strategik dan kewangan, termasuk kumpulan TOM daripada CK Hutchison serta Sequoia Capital," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pelaburan yang dibuat menerusi syarikat tujuan khas milik Khazanah, Bukit Gala Investments Ltd, adalah pelaburan pertama sayap pelaburan kerajaan Malaysia itu dalam sektor teknologi kewangan (fintech) di China dan dijangka membuka peluang baharu bagi Khazanah untuk terbabit dalam pasaran pinjaman pengguna di negara itu yang kian berkembang dan mempunyai permintaan tinggi.

Pengarah Urusannya, Tan Sri Azman Mokhtar, berkata pelaburan dalam WeLab akan terus memperkuuhkan kehadiran Khazanah dalam sektor inovasi dan teknologi di peringkat antarabangsa.

"Model perniagaan WeLab menarik kerana syarikat itu bekerjasama dengan institusi kewangan untuk menyediakan penyelesaian perbankan berdasarkan platform dalam talian dan mudah alih, sambil menyediakan kemudahan kredit pada kadar berpatutan kepada golongan yang tidak mampu untuk mendapatkan pembiayaan melalui saluran tradisional," katanya dalam satu kenyataan itu.

Azman berkata, lanjutan daripada pelaburan itu, WeLab juga sedang meneroka peluang kerjasama dengan ING dalam perkhidmatan pinjaman dalam talian dan perbankan secara langsung.

ING adalah peneraju global dalam inovasi kewangan menerusi khidmat perbankan dalam taliannya, ING Direct.

Selain itu, pada tahun ini, WeLab juga akan mula bekerjasama dengan Postal Saving Bank of China dan beberapa institusi perbankan komersial yang lain untuk melaksanakan pelbagai inisiatif kewangan internet.

Antara kekuatan WeLab ialah dalam bidang inovasi dan pengurusan risiko. Ditubuhkan pada tahun 2013 di Hong Kong, khidmat kredit yang ditawarkan oleh WeLab menyediakan pengalaman pinjaman dalam talian dan mudah alih yang baharu di China dan Hong Kong.

WeLab mengendalikan Wolaita, satu daripada perkhidmatan pinjaman mudah alih terbesar di China dan WeLend.hk, perkhidmatan pinjaman dalam talian yang terkemuka di Hong Kong.

**13. TPPA: Firma Malaysia boleh bida tender kerajaan AS**

**TIMBALAN Ketua Setiausaha (Strategi dan Pemantauan) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk J Jayasiri. - Foto Yazit Razali**

KUALA LUMPUR: Penyertaan dalam Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) akan membolehkan syarikat Malaysia mengambil bahagian pasaran pemerolehan kerajaan Amerika Syarikat (AS).

Timbalan Ketua Setiausaha (Strategi dan Pemantauan) Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk J Jayasiri, berkata sektor pemerolehan kerajaan AS menyediakan pasaran begitu besar, yang mana sebelum ini Malaysia tidak mempunyai akses terhadapnya.

Beliau berkata, AS mempunyai dasar yang mana pasaran pemerolehan kerajaannya hanya dilakukan atas konsep persetujuan bersamaan dan tidak semua berpeluang menyertainya.

"Kita tidak ada FTA (Perjanjian Perdagangan Bebas) dengan AS dan Malaysia bukan ahli perjanjian pemerolehan kerajaan dalam Organisasi Perdagangan Dunia (WTO).

"Oleh itu, AS tidak beri kita akses kepada pasaran pemerolehan kerajaan mereka," katanya selepas menyampaikan taklimat pada sesi dialog mengenai impak TPPA terhadap industri tekstil dan pakaian.

Jayasiri yang juga Ketua Perunding Malaysia untuk TPPA berkata, dengan menyertai TPPA, AS terpaksa membuka pasaran, sekali gus membuka ruang kepada perniagaan Malaysia mengambil bahagian dalam tender atau kontrak dalam pemerolehan kerajaannya.

Beliau berkata, Malaysia juga perlu meliberalisasikan sektor pemerolehan kerajaan ke tahap tertentu jika menyertai TPPA, tetapi tidak bermakna ia hanya dibuka untuk pembekal TPPA.

"Pengeluar dan pembekal dari Malaysia juga boleh turut serta dalam bahagian yang dibuka dalam sektor pemerolehan kerajaan itu," katanya.



Isnin, 25 Januari 2016

#### 14. Keyakinan pelabur Eropah terhadap Malaysia tetap utuh



*KETUA Pegawai Eksekutif MIDA, Datuk Azman Mahmud. - Foto Muhd Zaaba Zakeria*

AMSTERDAM: Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Datuk Azman Mahmud, yang kini dalam misi ke Eropah, berpuas hati dengan kunjungannya setakat ini yang turut memaparkan keyakinan pelabur rantau itu terhadap negara ini tetap utuh.

Beliau yang tiba di sini selepas menghadiri Forum Ekonomi Dunia di Davos, Switzerland, memberitahu BERNAMA, kalangan pemimpin perniagaan yang hadir pada acara tahunan itu turut menyatakan minat mendalam terhadap Malaysia.

Davos, katanya, juga memberi peluang bagi meraih peluang pelaburan akan datang di Malaysia selain menunjukkan keyakinan pelabur terhadap negara kekal utuh.

"Syarikat asing ternyata amat yakin dengan Malaysia dan kami turut mengetengahkan kekuuhan kepelbagaian ekonomi Malaysia.

"Mesej ini jelas difahami dan diterima pemimpin korporat yang kami temui di Davos serta dalam kunjungan di Belanda. (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) Datuk Seri Mustapa gembira dengan hasil di Davos dan saya sendiri berpuas hati dengan hasil kunjungan ini," katanya mengenai misi ke Switzerland, Belanda dan United Kingdom.

Mengulas lanjut, Azman berkata, Davos terbukti menjadi platform menarik untuk MIDA kerana menarik penyertaan delegasi kanan yang mewakili kerajaan dan sektor swasta.

"Kehadiran kami untuk mewujudkan platform bagi menarik pelaburan menerusi acara sampingan yang kami atur, termasuk majlis makan tengah hari perniagaan dihoskan Menteri.

"Acara anjuran bersama kementerian, MIDA dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Swiss-Asia diadakan untuk 76 pemimpin korporat, termasuk 20 dari Malaysia.

"Kalangan pemimpin perniagaan dan berpotensi sebagai pelabur itu mewakili pelbagai industri termasuk minyak dan gas, bahan kimia dan petrokimia, jentera dan peralatan, perkhidmatan penjagaan kesihatan, kewangan dan kejuruteraan," katanya.

Mereka juga, kata Azman, berminat dengan gagasan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) dan isu Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Mustapa, katanya, turut berkongsi komitmen Malaysia bagi AEC dan TPP yang menjadikan negara sebagai destinasi pelaburan yang menarik.

Selain Davos yang menjadi teras misi itu, Azman berkata, beliau turut mengadakan lawatan sampingan ke Belanda dan United Kingdom bagi menarik pelabur ke Malaysia.

"Saya temui dua syarikat utama di Belanda iaitu KMWE yang memiliki firma aeroangkasa dan satu lagi BES yang terbabit dalam bidang jentera.

"Kedua-dua syarikat itu merancang untuk mengembangkan operasi sedia ada mereka di Malaysia serta berminat untuk menyuntik modal tambahan bagi tujuan itu.

Pengembangan KMWE dalam sektor aeroangkasa dilihat memberi manfaat kerana boleh meletakkan Malaysia dalam kelompok hab berteknologi tinggi yang utama.

Malah ada satu syarikat aeroangkasa Malaysia, Strand Aerospace yang disifatkan Azman memberi impak pengubah dalam industri tempatan.

Kedudukan strategik Malaysia dengan akses mudah ke serata ASEAN dan dua pasaran utama dunia iaitu China dan India serta infrastruktur modennya, hanya menyerlahkan kelebihan negara sebagai pemboleh ubah bagi sektor aeroangkasa Asia.

BES, pula merancang untuk meningkatkan kehadirannya di Malaysia dan meningkatkan operasi penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang dapat mengukuhkan status negara sebagai hab R&D serantau.

"Kebanyakan pemimpin korporat yang saya temui menghargai persekitaran perniagaan di Malaysia yang turut disifatkan mereka sebagai memberi reaksi pantas terhadap perubahan pasaran yang pesat," katanya.

Di Britain, syarikat automotif negara itu turut digesa melihat Malaysia sebagai lokasi pelaburan industri selain menjalin usaha sama dengan syarikat tempatan.

Azman turut berkongsi hasratnya mengadakan misi sama ke Jerman akhir tahun ini, yang mana negara itu adalah pelabur utama di Malaysia, diikuti Belanda.

Pengaliran pelaburan langsung asing ke Malaysia juga agak kukuh iaitu berjumlah US\$34.4 bilion bagi tempoh tiga suku pertama 2015. - BERNAMA



Isnin, 25 Januari 2016

#### 15. Sukar capai negara maju jika tolak TPPA - Mustapa



DATUK Seri Mustapa Mohamed. - Foto Salhani Ibrahim

KANGAR: Malaysia akan terlepas banyak peluang untuk merapatkan jurang kemajuan serta sukar mencapai status negara maju berpendapatan tinggi jika memilih untuk menolak Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA).

Malah, jelas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, menerusi TPPA, negara dijangka menerima pelaburan tambahan sebanyak AS\$136 bilion hingga AS\$239 bilion selain dapat mewujudkan dua juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2027 yang sekali gus meningkatkan taraf hidup rakyat.

"Pelaburan yang masuk ini mampu mencipta pasaran dan perniagaan lebih meluas. Jika pasaran dalam negara kecil seperti Malaysia tidak cukup, kita harus menerima pembaharuan agar perniagaan kita terus berkembang.

"Kerajaan merasakan amat penting untuk merebut peluang yang menjadi batu loncatan kepada hala tuju negara demi meningkatkan ekonomi rakyat dan negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat TPPA peringkat negeri Perlis di Dewan 2020 di sini, malam tadi.

Hadir sama, Menteri Besar Datuk Seri Azlan Man dan Setiausaha Kerajaan Negeri Ahmad Zamri Khairuddin.

Mengulas lanjut, Mustapa berkata, Malaysia juga akan kehilangan banyak peluang perdagangan dan pelaburan jika memilih untuk menolak TPPA.

"Sebaliknya, Singapura dan Vietnam yang menyertai TPPA akan dapat menarik lebih banyak perdagangan dan pelaburan asing ke negara mereka.

"(Ini akan menyebabkan) Malaysia akan beransur-ansur ketinggalan dan menyebabkan jurang kemajuan kita dengan mereka semakin luas kerana TPPA memberi manfaat terhadap pembangunan sesebuah negara dalam pelbagai aspek termasuk peningkatan pasaran, pembangunan dasar dan kecanggihan teknologi," katanya.

Beliau turut mengingatkan rakyat agar menimbang setiap maklumat TPPA dan menolak andaian tidak berasaskan fakta yang bertujuan menakutkan masyarakat.

"Kita tidak harus terpengaruh (dengan andaian) akan dikuasai Amerika Syarikat. Banyak lagi negara yang menyertai TPPA seperti Australia, Brunei, Kanada, Jepun, Singapura dan New Zealand yang bebas menetapkan hala tuju mereka walaupun menandatangani TPPA.

"Malah, TPPA tidak terus dikuatkuasakan selepas ditandatangani. Ada tempoh enam bulan untuk kita timbang dan lihat kesan pelaksanaannya dan jika ia menjelaskan banyak perkara, kita boleh keluar tanpa syarat," katanya.

Mustapa turut menegaskan, Malaysia tidak ditekan oleh mana-mana pihak supaya menyertai TPPA dan kerajaan telah menimbang kesannya selain memastikan hak Perlembagaan Persekutuan dan kerajaan negeri tidak tergugat. - BERNAMA

**16. TPPA: CUEPACS bantah warga asing pimpin kesatuan sekerja**

*PRESIDEN CUEPACS, Datuk Azih Muda. - Foto Muhd Asyraf Sawal*

KUALA LUMPUR: Kongres Kesatuan Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) tidak bersetuju dengan satu daripada 30 kandungan dalam Perundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang membenarkan warga asing menjadi pemimpin dalam kesatuan sekerja dan muh syarat itu dikaji semula.

Secara dasarnya, CUEPACS bersetuju dengan pelaksanaan TPPA kerana ia memberi banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia menerusi ekonomi baharu yang memberi persaingan sihat dalam bidang pekerjaan.

Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda, berkata syarat itu perlu dikaji semula kerana bimbang campur tangan kuasa asing dalam sektor pekerjaan negara.

"Berdasarkan perjanjian ini, selepas tiga tahun TPPA dilaksana, warga asing dibenarkan memimpin mana-mana kesatuan sekerja. Jika ini dilaksanakan, ia akan membawa implikasi negatif.

"Warga asing tidak faham cara hidup, adat resam dan budaya rakyat kita. Mereka tidak memahami nilai murni masyarakat kita.

"Akibat tidak faham, kami khuatir ia akan menyebabkan mereka (warga asing) menagih campur tangan kuasa asing kelak. Jadi, biarlah rakyat kita yang memimpin persatuan," katanya pada sidang

media selepas majlis Perhimpunan Penguatkuasaan Bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Wilayah Persekutuan, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal.

Perhimpunan Penguatkuasaan Bersama Ketua Perkhidmatan Awam yang membabitkan penyertaan 1,300 penguat kuasa dari seluruh negara itu adalah kali pertama diadakan.

Ia bertujuan memberi pandangan mengenai dasar perkhidmatan awam dan mendengar permintaan daripada kakitangan yang bertugas sebagai penguat kuasa.



Rabu, 27 Januari 2016

#### 17. TPPA bukan acuan Amerika Syarikat - Mustapa



*MUSTAPA (kiri) pada sidang media selepas persidangan khas Dewan Rakyat mengenai TPPA di Parlimen hari ini. Turut hadir Timbalannya Datuk Ahmad Maslan. - Foto BERNAMA*

KUALA LUMPUR: Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) bukan perjanjian perdagangan yang dirangka oleh Amerika Syarikat (AS) semata-mata, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, Malaysia sebagai antara negara anggota, turut campur tangan dalam merangka draf perjanjian antarabangsa yang turut membabitkan 11 negara lain.

"Malaysia bertanggungjawab dalam menyediakan draf bagi Bab 6, 21, dan 24 yang berkaitan dengan kerjasama dan bina upaya mengenai perusahaan kecil dan sederhana, pembangunan, dan bab yang penting lain yang tidak terdapat dalam mana-mana perjanjian perdagangan.

"Pandangan bahawa Malaysia mengguna pakai templat Amerika Syarikat adalah tidak benar," katanya ketika menggulung perbahasan usul TPPA bagi kementerian itu pada mesyuarat khas Dewan Rakyat, hari ini.

Lima menteri Kabinet lain, termasuk Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, turut membuat penggulungan masing-masing pada sesi itu.

Mustapa juga berkata, kuasa besar ekonomi seperti AS dan Jepun tidak mempunyai kuasa veto dalam TPPA dan ini tidak akan menjelaskan sistem ekonomi negara kerana Malaysia mengamalkan ekonomi campuran.

Beliau turut menolak dakwaan bahawa Malaysia akan dijajah oleh sistem kapitalis Amerika Syarikat.

"Kita ada intervensi. Ekonomi negara bukan berlandaskan kapitalis dan sosialis, kita berada di tengah-tengah. Jadi TPPA tidak akan mengubah model ekonomi (Malaysia).

"Ini kerana kita terus ada Bumiputera, syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, dan juga Rancangan Malaysia ke-11 yang mempunyai satu bab khusus berkaitan dengan B40. Ini bukti jelas di mana model ekonomi kita adalah ekonomi bercampur," katanya.

Mustapa, yang juga Ahli Parlimen Jeli, menyifatkan perjanjian itu adalah komitmen bersama kerajaan Barisan Nasional secara menyeluruh dan bukanlah 'one man show' seperti yang dicanangkan pihak pembangkang.

Katanya, rundingan TPPA selama lima tahun itu sudah di bawa ke Kabinet sebanyak lebih daripada 40 kali yang turut membabitkan kementerian lain selain MITI.

Setelah dua hari mesyuarat khas pembentangan usul mengenai TPPA di Parlimen, Dewan Rakyat memutuskan untuk meluluskan usul itu dengan 127 anggota bersetuju dan 84 tidak setuju.

Malaysia adalah antara 12 negara yang terbabit dalam TPPA bersama Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam. - BERNAMA

**18. Susun semula aliran tunai projek - Irwan Serigar**

**KETUA Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah. - Foto Abdullah Yusof**

PUTRAJAYA: Penjimatan dalam pengubahsuaian Bajet 2016 akan dicapai melalui penyusunan semula aliran tunai projek pembangunan mengikut keutamaan impaknya kepada ekonomi dan mengoptimumkan perbelanjaan mengurus di semua kementerian.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata kerajaan memberi jaminan untuk tidak akan membatalkan atau mengurangkan kos projek yang sudah diumumkan sebelum ini, sama ada berimpak tinggi atau tidak.

Sebaliknya, katanya, kerajaan hanya menyusun semula jadual aliran tunai bagi projek yang didapati kurang memberi impak segera kepada ekonomi negara.

"Tiada projek yang akan dikurangkan kosnya, namun apa yang akan dilaksanakan adalah menyusun semula keutamaannya. Jika projek didapati tidak memerlukan wang dengan segera, kerajaan akan menyusun semula aliran tunainya.

"Pada masa sama, kerajaan juga akan menyelaras semula tempoh pembangunan projek yang hanya memerlukan pembelian tanah tanpa perlu dimajukan dalam masa dua atau tiga tahun lagi.

"Beberapa projek seperti pembangunan sekolah, hospital, jalan raya dan bekalan elektrik tetap diteruskan seperti dirancang," katanya selepas Forum Pengubahsuaian Bajet 2016 di sini, hari ini.

Yang turut hadir pada forum itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar dan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

Menerusi pengubahaian Bajet 2016, kerajaan dijangka membuat penjimatan antara RM7 bilion hingga RM9 bilion, mengambil kira harga minyak mentah berada dalam lingkungan AS\$30 hingga AS\$35 satu tong.

Mohd Irwan berkata, secara dasarnya kerajaan menyasarkan membuat penjimatan RM5 bilion dalam perbelanjaan pembangunan dan kira-kira RM4 bilion daripada perbelanjaan mengurus.

Katanya, penjimatan perbelanjaan mengurus adalah menerusi pemotongan, seperti majlis keraian, perjalanan pegawai ke luar negara, mengurangkan beberapa aktiviti di peringkat kementerian, mengelak pembaziran dan sebagainya.

"Kami sudah memberitahu semua kementerian dan mereka sanggup untuk memotong perbelanjaan sedemikian. Namun, kami juga memberitahu mereka supaya jangan melakukan pemotongan atau berkompromi ke atas mekanisme penyampaian, dari segi pembayaran gaji mahu pun pembelian barang penting.

"Tiada lagi perjalanan kelas pertama, semua pegawai kanan akan menggunakan kelas perniagaan atau ekonomi. Semasa mesyuarat pun, tiada kuih muih disediakan, hanya air mineral," katanya.



Khamis, 28 Januari 2016

#### **19. Pertumbuhan ekonomi diunjur antara 4-4.5 peratus**

PUTRAJAYA: Pertumbuhan ekonomi negara boleh kekal antara empat hingga 4.5 peratus tahun ini walaupun harga minyak jatuh hingga ke paras AS\$25 satu tong.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Mohd Irwan Serigar Abdullah, berkata walaupun pengubahaian Bajet 2016 dibuat menggunakan unjuran harga minyak antara AS\$30 hingga AS\$35 satu tong ketika ini, penilaian semula akan dibuat apabila ia jatuh di bawah paras AS\$25 satu tong.

Katanya, walaupun harga minyak menjunam ke paras AS\$25 satu tong, bajet kerajaan bagi tahun ini tidak akan terjejas.

"Jika harga minyak merosot ke paras AS\$15 hingga AS\$20 satu tong, kemelesetan di peringkat dunia akan berlaku sehingga memberikan masalah kepada negara pengeluar minyak, termasuklah negara Asia Barat.

"Jika keadaan itu berlaku, kami akan meneliti semula perbelanjaan dan paras harga sedemikian akan dijadikan panduan dalam pembentangan bajet akan datang pada Oktober ini," katanya pada Forum Pengubahaian Bajet 2016 di sini, pada Khamis.

Mohd Irwan Serigar berkata, pengubahaian bajet dibuat dengan menggunakan unjuran beberapa penganalisis dan institut penyelidikan yang kebanyakannya menganggarkan harga minyak pada tahun ini berlegar dalam lingkungan AS\$30 hingga AS\$40 satu tong.

Bagaimanapun, kerajaan mengambil angka lebih konservatif iaitu dalam lingkungan AS\$30 hingga AS\$35 satu tong.

"Kita masih lagi boleh mengekalkan pertumbuhan ekonomi walaupun harga minyak jatuh di bawah paras itu. Ia tidak akan menjelaskan bajet dengan ketara, begitu juga dengan mekanisme penyampaian kerajaan," katanya.

Beliau berkata, walaupun ada kesan daripada hasil bukan minyak kepada pendapatan kerajaan, impak terbesar tetap daripada pendapatan berkaitan hasil minyak.

Namun tegasnya, jika harga minyak jatuh di bawah paras AS\$30 satu tong, kedudukan fiskal kerajaan masih lagi terjamin kerana mempunyai pendapatan tambahan daripada sumber, selain hasil berkaitan minyak.

"Pada tahun 1980-an, 40 peratus daripada pendapatan kerajaan datangnya daripada hasil berkaitan minyak, namun analisis terbaru menunjukkan hanya 14 peratus pendapatan negara sekarang dijana melalui hasil minyak.

"Sumbangannya sudah berkurangan secara drastik dan kerajaan akan terus mempelbagaikan sumber selain hasil berkaitan minyak. Pada masa sama, hasil daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) juga menjadi penyelamat," katanya.

Mohd Irwan Serigar berkata, komponen terbesar sumbangan hasil petroleum kepada pendapatan kerajaan adalah daripada dividen PETRONAS, yang berjumlah RM16 bilion tahun ini, cukai pendapatan petroleum dan cukai langsung syarikat minyak.